



Kementerian Pelajaran Malaysia

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH  
**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN**  
**PENDIDIKAN SIVIK**  
**DAN**  
**KEWARGANEGARAAN**  
**TAHUN 6**



Pusat Perkembangan Kurikulum

**KANDUNGAN**

RUKUN NEGARA	v	HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	6
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vii	TEMA 1 : SAYANGI DIRI	7
KATA PENGANTAR	ix	TEMA 2 : SAYANGI KELUARGA	8
PENDAHULUAN	1	TEMA 3 : HIDUP BERSAMA DI SEKOLAH DAN DALAM MASYARAKAT	9
KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH RENDAH	2	TEMA 4 : KENALI BUDAYA MALAYSIA	10
PROJEK KEWARGANEGARAAN	4	TEMA 5 : MALAYSIA NEGARAKU	11
STRATEGI PELAKSANAAN	5	TEMA 6 : SEDIA HADAPI CABARAN	12
PENILAIAN	5	PELAKSANAAN PROJEK KEWARGANEGARAAN	13

## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA** negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



## KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran mastery, pembelajaran secara konstruktivisme dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharap dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dan kesedaran murid tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dengan mengambil kira aspek pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik. Guru juga perlu menekankan aktiviti khidmat masyarakat yang merupakan komponen penting dalam memupuk kesedaran sivik dikalangan murid. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam usaha menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pelajaran dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**(MAHZAN BIN BAKAR SMP, AMP)**  
Pegarah  
Pusat Perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pelajaran Malaysia



## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Mata Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan diajar sebagai satu mata pelajaran persekolahan mulai tahun 2005, di sekolah rendah dan menengah. Pada masa dahulu, Pendidikan Sivik bertumpu pada struktur dan jenis kerajaan. Tetapi kini, mata pelajaran ini memberi tumpuan pada keadaan semasa masyarakat serta keperluan masa depannya.
- 1.2 Sivik merujuk kepada hubungan individu dengan masyarakat di sekelilingnya. Manakala kewarganegaraan merujuk kepada hubungan individu dengan negaranya. Guru membantu murid menguasai pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab.
- 1.3 Berdasarkan keadaan semasa yang melanda golongan remaja, kurikulum mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi tumpuan utama pada isu perpaduan, patriotisme dan pemahaman kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Melalui kurikulum ini diharap dapat melahirkan individu yang bersemangat patriotik, boleh bekerjasama dengan orang lain, mengapresiasi kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, menyelesaikan konflik tanpa menggunakan keganasan, menyayangi alam sekitar dan menyumbang ke arah pembangunan negara.

## 2.0 KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH RENDAH

### 2.1 Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan yang boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

### 2.2 Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai.

#### 2.2.1 Objektif Pengetahuan :

- i. Mengenal pasti tingkah laku yang boleh menyumbang terhadap pembangunan watak yang mulia.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab ke arah pembinaan keluarga yang bahagia.
- iii. Menjelaskan kepentingan hidup bersama secara harmoni.
- iv. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia.
- v. Menerangkan sistem kerajaan Malaysia dan sumbangan pemimpin negara.
- vi. Mengenal pasti cabaran dan ancaman dalam masyarakat.

#### 2.2.2 Objektif Kemahiran :

- i. Mengurus diri dengan baik dan bertanggungjawab.
- ii. Mengamalkan kesederhanaan dalam tingkah laku.
- iii. Berinteraksi secara sopan dengan anggota keluarga, rakan dan masyarakat.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan rakan.
- v. Belajar hidup bersama untuk kesejahteraan diri dan masyarakat.
- vi. Menyertai aktiviti masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vii. Membuat keputusan yang bijak dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain.

2.2.3 Objektif Nilai :

- i. Mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri.
- ii. Menghargai sumbangan ibu bapa dan anggota keluarga.
- iii. Menghormati kaum dan budaya lain.
- iv. Menyayangi alam sekitar.
- v. Menunjukkan semangat kekitaan.
- vi. Menghormati pemimpin dan menghargai jasa mereka.
- vii. Menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara.

**2.3 Tema**

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik supaya murid menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Kandungan ini disampaikan menerusi enam tema seperti berikut:

1. Sayangi Diri
2. Sayangi Keluarga
3. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat
4. Kenali Budaya Malaysia
5. Malaysia Negaraku
6. Sedia Hadapi Cabaran

Tema-tema ini tidak semestinya diajar secara urutan dan guru boleh menyesuaikan tema ini dengan peristiwa atau isu semasa yang berlaku sama ada dalam sekolah, masyarakat atau di peringkat negara. Misalnya, tema Malaysia Negaraku boleh diajar dalam konteks sambutan Bulan Kemerdekaan agar murid dapat memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai warganegara Malaysia.

### 3.0 PROJEK KEWARGANEGARAAN

Projek Kewarganegaraan merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sekolah rendah. Aktiviti ini dijalankan di luar waktu sekolah. Murid perlu melakukan kerja amali ini sekurang-kurangnya 10 jam setahun. Projek Kewarganegaraan harus dikait rapat dengan pembelajaran akademik dalam bilik darjah. Projek Kewarganegaraan ini diharap dapat menyediakan murid sebagai warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab. Guru harus memastikan murid menjalankan kerja projek ini mengikut tema yang ditetapkan seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Tema</b>
4	1. Sayangi Diri 2. Sayangi Keluarga
5	3. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat 4. Kenali Budaya Malaysia
6	5. Malaysia Negaraku 6. Sedia Hadapi Cabaran

#### **4.0 STRATEGI PELAKSANAAN**

Dalam usaha menjadikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai mata pelajaran menarik dan berkesan, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran mesti digunakan. Kepelbagaian strategi ini harus memberi penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan berorientasikan aktiviti *hands-on* di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu, strategi yang dijalankan sewajarnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang isu sivik, menerapkan pelbagai kemahiran dan memupuk nilai sivik ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.

#### **5.0 PENILAIAN**

Untuk mengukur pembelajaran murid dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru digalakkan menggunakan pelbagai cara penilaian. Antara cadangan bentuk penilaian yang boleh dijalankan ialah pemerhatian, senarai semak tingkah laku, ujian, tugas dan laporan.

## 6.0 HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

- 6.1 Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid.

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mengandungi tiga lajur, iaitu **Tema dan Tajuk, Hasil Pembelajaran** dan **Cadangan Aktiviti**.

### 6.1.1 Tema / Tajuk

Lajur ini mengandungi tema, tajuk pengajaran dan huraian tajuk pengajaran. Ini menentukan skop pengajaran bagi sesuatu tema mengikut tahun yang berkenaan.

### 6.1.2 Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diharap dapat dicapai oleh murid pada setiap tahun. Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan tema dan tajuk.

### 6.1.3 Cadangan Aktiviti

Lajur ini mengandungi aktiviti untuk membantu murid mencapai hasil pembelajaran bagi tema dan tajuk berkenaan. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain asalkan sesuai dengan tajuk pengajaran dan mencapai hasil pembelajaran.

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>1. SAYANGI DIRI</b></p> <p>a. Hak dan tanggungjawab kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kehidupan</li> <li>- Perlindungan</li> <li>- Perkembangan</li> <li>- Penyertaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerangkan hak dan tanggungjawab kanak-kanak.</li> <li>ii. Mengamalkan hak dan tanggungjawab kanak-kanak.</li> <li>iii. Menghormati hak dan tanggungjawab kanak-kanak.</li> <li>iv. Menghargai hak dan tanggungjawab kanak-kanak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan kehendak diri dan membandingkan dengan rakan.</li> <li>ii. Mengadakan aktiviti sumbang saran tentang peranan dan tanggungjawab murid di rumah dan di sekolah.</li> <li>iii. Mengumpul dan membincangkan keratan akhbar tentang isu kanak-kanak dan menghasilkan buku skrap.</li> <li>iv. Menghasilkan poster bertemakan hak kanak-kanak.</li> <li>v. Mendeklamasikan puisi yang bertemakan hak dan tanggungjawab kanak-kanak.</li> </ul>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>2. SAYANGI KELUARGA</b></p> <p>a. Keluarga yang harmoni mengikut perspektif pelbagai agama dan kepercayaan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Agama</li><li>- Kepercayaan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Menghuraikan konsep keharmonian keluarga mengikut perspektif pelbagai agama.</li><li>ii. Menjalinkan hubungan yang erat dengan anggota keluarga seperti mana tuntutan agama.</li><li>iii. Menyayangi ibu bapa dan anggota keluarga seperti mana tuntutan agama.</li><li>iv. Menghormati anggota keluarga.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Membincangkan ciri-ciri keluarga harmoni.</li><li>ii. Mengumpul dan membincangkan kata-kata hikmat mengikut perspektif pelbagai agama dan kepercayaan tentang keharmonian keluarga.</li><li>iii. Menulis surat atau e-mail kepada keluarga untuk meluahkan perasaan kasih sayang dan mengucapkan terima kasih atas jasa mereka.</li><li>iv. Melakonan cara menghormati anggota keluarga.</li><li>v. Menghasilkan lukisan bertemakan kehidupan keluarga yang harmoni mengikut perspektif pelbagai agama.</li></ul>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>3. HIDUP BERSAMA DI SEKOLAH DAN MASYARAKAT</b></p> <p>a. Tanggungjawab terhadap kawasan persekitaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Harta benda sekolah</li> <li>- Kemudahan awam</li> </ul> <p>b. Pemeliharaan kebersihan dan keceriaan persekitaran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan sekolah</li> <li>- Kawasan persekitaran</li> </ul> <p>c. Peranan agensi tempatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bomba dan Penyelamat</li> <li>- Majlis Daerah</li> <li>- Rukun Tetangga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjelaskan kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat.</li> <li>ii. Menghuraikan cara menjaga kebersihan dan keceriaan persekitaran.</li> <li>iii. Menjelaskan peranan agensi tempatan.</li> <li>iv. Melibatkan diri dalam penjagaan kemudahan awam dan persekitaran.</li> <li>v. Menjaga kemudahan awam dan persekitaran.</li> <li>vi. Menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap agensi tempatan.</li> <li>vii. Menghargai harta benda sekolah dan kemudahan awam.</li> <li>viii. Berbangga dengan kebersihan dan keceriaan persekitaran.</li> <li>ix. Menghargai peranan agensi tempatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendemonstrasikan cara mengguna dan menjaga kemudahan awam di sekolah.</li> <li>ii. Membuat kajian tentang keperluan kemudahan awam di kawasan setempat.</li> <li>iii. Menjalankan projek kebersihan dan keceriaan persekitaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>- sekolah.</li> <li>- kawasan tempat tinggal murid.</li> </ul> </li> <li>iv. Mengumpul maklumat dan menghasilkan risalah tentang agensi yang boleh membantu komuniti setempat.</li> <li>v. Menemu bual anggota Bomba dan Penyelamat atau Majlis Daerah atau Rukun Tetangga tentang peranan mereka dan menyediakan laporan.</li> </ul>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>4. KENALI BUDAYA MALAYSIA</b></p> <p>a. Kenali dan apresiasi kekayaan budaya Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agama dan kepercayaan</li> <li>- Adat resam</li> <li>- Perayaan</li> </ul> <p>b. Tanggungjawab mengekalkan kepelbagaian warisan budaya Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diri</li> <li>- Keluarga</li> <li>- Sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjelaskan kepelbagaian warisan budaya Malaysia.</li> <li>ii. Menghuraikan kepentingan mengekalkan kepelbagaian warisan budaya Malaysia.</li> <li>iii. Melibatkan diri dalam usaha mengekalkan kepelbagaian warisan budaya Malaysia.</li> <li>iv. Hidup bersama dalam masyarakat pelbagai kaum.</li> <li>v. Menghargai kepelbagaian warisan budaya Malaysia.</li> <li>vi. Berbangga dengan keunikan dan kepelbagaian budaya Malaysia.</li> <li>vii. Menghormati amalan budaya kaum lain.</li> <li>viii. Menghormati kepelbagaian warisan budaya Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membincangkan kepentingan perayaan yang disambut oleh rakyat Malaysia.</li> <li>ii. Membuat lawatan ke muzium atau tempat yang bersesuaian untuk mendapatkan maklumat tentang kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia.</li> <li>iii. Menganjur dan meraikan sambutan hari perayaan sesuatu kaum di kelas.</li> <li>iv. Mengunjungi rumah guru, rakan dan jiran tetangga pelbagai kaum dan menghasilkan catatan ringkas tentang budaya yang diamalkan.</li> <li>v. Membantu rakan atau jiran tetangga berlainan kaum dalam membuat persiapan menyambut perayaan.</li> </ul>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>5. MALAYSIA NEGARAKU</b></p> <p>a. Perjuangan tokoh-tokoh kebanggaan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemerdekaan 1957</li> <li>- Pembentukan Malaysia 1963</li> </ul> <p>b. Tanggungjawab mengekalkan kemerdekaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semangat patriotik</li> <li>- Perpaduan rakyat</li> <li>- Keharmonian dan keselamatan negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghuraikan perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan dan pembentukan Malaysia.</li> <li>ii. Menjelaskan tanggungjawab sebagai warganegara untuk mengekalkan kemerdekaan negara.</li> <li>iii. Mencontohi semangat perjuangan tokoh kemerdekaan.</li> <li>iv. Mengamalkan tingkah laku patriotik.</li> <li>v. Menghormati dan menghargai peranan pemimpin negara.</li> <li>vi. Berbangga dengan kemerdekaan negara.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber tentang kemerdekaan negara dan membincangkannya.</li> <li>ii. Mencipta puisi atau lirik lagu patriotik.</li> <li>iii. Mengambil bahagian dalam aktiviti bulan kemerdekaan di kelas atau sekolah.</li> <li>iv. Membuat kajian biografi dan sumbangan pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan negara.</li> <li>v. Mengumpul dan membincangkan keratan akhbar tentang kemerdekaan negara.</li> </ul>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p><b>6. SEDIA HADAPI CABARAN</b></p> <p>a. Hidup sihat dan cergas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjauhi gejala sosial           <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ponteng</li> <li>• Vandalisme</li> <li>• Buli</li> </ul> </li> <li>- Gaya hidup sihat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghuraikan gaya hidup sihat.</li> <li>ii. Menjelaskan kepentingan ketahanan diri untuk menjauhi gejala sosial.</li> <li>iii. Membuat keputusan yang bijak untuk mengelakkan daripada pengaruh budaya negatif.</li> <li>iv. Mengamalkan gaya hidup sihat.</li> <li>v. Menghargai gaya hidup sihat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Main peranan menolak pelawaan negatif secara sopan.</li> <li>ii. Menghasilkan buku panduan tentang keselamatan diri.</li> <li>iii. Mengadakan ceramah berkaitan pendidikan kesihatan atau akil baligh atau keselamatan diri.</li> <li>iv. Menemu bual guru disiplin atau kaunseling atau Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid tentang gejala sosial di sekolah.</li> <li>v. Menghasilkan poster bertemakan gaya hidup sihat.</li> </ul>

### Pelaksanaan Projek Kewarganegaraan

Projek Kewarganegaraan ialah komponen amali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang memerlukan penglibatan murid secara kumpulan dalam aktiviti sekolah dan komuniti. Penglibatan ini ialah dalam bentuk projek atau kajian yang boleh membantu dan meningkatkan imej diri, sekolah dan masyarakat.

Melalui Projek Kewarganegaraan ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan yang dipelajari dalam bilik darjah. Murid juga dapat merasakan dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Dengan ini murid dapat membina martabat diri yang positif dan berbangga kerana telah memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat.

Murid dikehendaki menjalankan projek kewarganegaraan di luar waktu persekolahan sekurang-kurangnya 10 jam setahun.

### Matlamat

- (1) Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan di luar bilik darjah.
- (2) Memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
- (3) Menjadi warganegara yang patriotik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

### Cadangan Aktiviti

Projek Kewarganegaraan untuk tahun 6 adalah berdasarkan tema **Malaysia Negaraku** dan **Sedia Hadapi Cabaran**. Cadangan aktiviti Projek Kewarganegaraan mengikut tema berikut:

Tahun	Tema	Aktiviti yang dicadangkan
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia Negaraku</li> <li>• Sedia Hadapi Cabaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Bendera Sekolah/Negeri/Jalur Gemilang.</li> <li>- Projek Menghargai Tokoh-tokoh Kebanggaan Negara.</li> <li>- Kempen Sifar Ponteng.</li> <li>- Kempen Anti Merokok.</li> <li>- Kempen Pengukuhan Bahasa Inggeris.</li> <li>- Pusat Aduan Murid.</li> <li>- Stesen Radio Sekolah.</li> </ul>

Murid boleh memilih Projek Kewarganegaraan lain yang difikirkan sesuai dengan tema yang telah ditetapkan di atas.

### Strategi Pelaksanaan

Murid perlu membuat persediaan sebelum melaksanakan sesuatu Projek Kewarganegaraan. Panduan yang berikut dapat membantu murid membuat persediaan dan melaksanakan Projek Kewarganegaraan secara terancang dan sistematik.

